

Datuk Musa tak suka "politik balak..."

"KURNIAAN tanah politik dihenti." kata kepala besar suka hadapan Berita Harian November 6, 1981. Berita berkenaan berkata, Datuk Musa Hitam mengarahkan Kerajaan Negeri Johor memberhentikan serta merta pengurusan tanah yang dibuat atas pertimbangan politik. (Mini-komen: Tahniah, Datuk Musa — pendirian tegas dan berani di pihak Datuk itu bukan sahaja menaikkan imej parti malah melampaukan ke kepercayaan dan penghormatan rakyat merangkap pengundi terhadap parti yang berkuasa).

Timbalan Perdana Menteri yang juga Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri berkata, tanah-tanah tersebut juga melibatkan kawasan balak di negeri itu. (Mini-komen: B A L A K, nampaknya, bukan sahaja sumber hasil Negara tapi, kadangkala, adalah jua pucuk anika rupa skandal dan "cerita" yang melayokan).

"Saya telah mengarahkan semua pengurusan tanah persendirian tetapi ada hubungannya dengan aktiviti parti... saya telah berasaskan politik dihentikan," kata Datuk Musa.

Datuk Musa berkata, beliau memlinta Menteri Besar Johor, Tan Sri Othman Saat yang juga Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri supaya membentulkan laporan mengenai pentadbiran tanah di negeri itu.

Katanya, laporan yang dikemukakan kepada Jawatankuasa Perhubungan Negeri itu membolehkan mereka bersama meneliti kejayaan yang dicapai dan membentulkan laporan masalah.

Jelasnya, ini bukanlah hendak campur tangan pentadbiran kerajaan negeri tetapi untuk membentulkan tanggungjawab yang diserahkan oleh rakyat kepada parti.

Nota: "Concern" atau kerunsingan Datuk Musa dalam konteks pentadbiran Negeri adalah "understandable." "Kerana maklum sahaja jika imej dan integriti pemimpin-pemimpin parti yang mendukung Kerajaan (di peringkat Negeri) tercemar, maka sedikit sebanyak imej dan "integrity" pucuk pimpinan (di peringkat Pusat) akan jua terjejas!"

* * * K O M E N * * *

PENULIS:
Arahan Datuk Musa Hitam, Timbalan Perdana Menteri merangkap Timbalan Presiden UMNO Malaysia itu amatlah logik dan adil sekali. Kerana perbuatan memberi tanah kepada orang dari golongan tertentu sebagai balasan terhadap sumbangan politik mereka ataupun dengan tujuan memperkuat dan dengan itu mengekalkan kedudukan orang yang melakukannya pemilikan itu) bukan sahaja tidak adil (dan berlawanan dengan semangat yang dicerminkan oleh simbol pilihanraya Barisan Nasional lalu Dacing Keadian, malah tidak secukup sama sekali dengan amalan demokrasi..

Mengikut buku-buku sejarah, amalan menghadiahkan tanah kepada penyokong-penyokong

setia oleh pemimpin-pemimpin atasan adalah amalan di zaman feodal dahulu... bila pemimpin-pemimpin memperoleh kuasa bukan melalui undi dari orang bawahan tapi melalui kekuatan fizikal masing-masing. Umpamanya, bila feodal "Lord A" berjaya menumbangkan "Lord B", maka beliau menghadiahkan tanah kepada penyokong yang memberi sumbangan berupa orang-orang bersejati di waktu "Lord A" berperang dengan "Lord B" dahulu. Oleh itu, semakin besar bilangan orang-orang bersejati yang dikumpulkan oleh seseorang, maka semakin luaslah pua bidang tanah yang dihadiahkan kepadanya oleh feodal Lord yang berjaya menumbangkan lawan. (Sebaliknya jika "Lord B", kalah dan "Lord B" menang, maka penyokong-penyokong "Lord A" bukan sahaja akan kehilangan kepala di tangan "Lord B" tapi harta mereka, termasuk rumah dan tanah, dirampas oleh "Lord B" dan dibahagi-bahagikan pula kepada penyokong-penyokong sebagai pembalasan budi mereka).

Tambahan lagi, Datuk Musa, nampaknya, adalah menyedari dengan sepenuhnya bahawa satu-satu parti yang mahu mendapatkan mandat dari rakyat untuk menubuhkan Kerajaan tidak boleh mengharapkan sokongan dan undi dari ahli-ahli parti sahaja. Kerana bilangan pengundi dari luar parti adalah bertip-tip ganda lebih besar daripada jumlah pengundi yang terdapat dalam parti sendiri... Dalam bahasa lain, kejayaan satu-satu

parti dalam pilihanraya umum di sesebuah negeri yang menghormati pilihanraya bebas tidaklah ditentukan oleh undi-undi dari ahli-ahli parti sendiri semasa-masa. "Amat... adil!" penulis sebutkan tadi, kerana jika penguat politik atau kedudukan istimewa seseorang terpuhob dijadikan kayu ukur di ketika meluluskan kepadaanya tanah (sama ada tanah "baik" dalam bandar ataupun kawasan balak, yang keduanya boleh mendatangkan hasil segera tanpa kerja, maka ini akan bermakna segelintir orang yang udah lebih kaya—keadaan yang selalunya akan menjejaskan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru).

* * * * * * * * * * *

Catitan Aka:
Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir bukan sahaja mempersejuli arahan atau "directive" Datuk Musa mengenai apa yang boleh diringkaskan sebagai "politik balak", (seperti dikisahkan tadi) malah menambah bahawa, jika arahan berkenaan mempunyai asas atau alasan, lputannya hendaklah "bukti" iaitu perlakuan ke Negeri-Negeri lain. (Penulis mengambil kesempatan menambah, "khususnya, ke Negeri-Negeri yang masih kaya-rya dengan tanah "baik" dan hutan balak...)

— Dipetik dari "Sunday Mail" Nov. 9, 1981, di bawah muka hadapan yang berjudul "Mahathir Warns State Govts — 'Unfair land, timber deals must go.'"

Pagi Jumaat lalu seorang sahabat lama penulis (bukan Melayu) merangkap pembaca tetap halaman ini mencela penulis (dengan mengguna bahasa

campur — Melayu sama Inggeris) untuk mencampurkan maklumat yang tidak gajanya "banyak penting".

Katanya dia baru sahaja balik dari Pejabat RIMV di PJ. Dia pergi ke pejabat berkenaan pukul 7.50 untuk menukar nama motorkarinya dari namanya sendiri kepada nama anak perempuannya. Semua kakitangan, pegawai dan kerani, sudah kelihatan berada di kerusi masing-masing. Tepat pada pukul 8.00, tingkap di kaunter orang ramai dibuka dan nama ada di sini terus melayang orang ramai yang berkiu di hadapannya.

Dia, lalu sahabat penulis, berhibat nombor 3 dalam kiut. Pada pukul 8.10 sampai gilirannya. Apa yang memerhatikan saya ialah dalam masa 3 minit sahaja selepas dia menyerahkan dokumen-dokumen berkenaan dan mengemukakan bertugas "everything completed", yakk!, semuanya siap.

Sebagai komen dia menambah: "Dulu memang ada ini macam, 'brother'." Pukul 8 'sharp' semua orang dalam pejabat sudah mula bikin kerja tanpa "morning coffee" dan cerita-cerita... Saya harap 'brother' boleh 'publish' ini cerita-karena dia banyak terkejut insyirah "M Administration". Mahathir sama Musa, b-a-n-y-a-k rasi senang sama rasi. 'Possibly' adu-beradu dengan senang hati dengan 'style' Dr. M sama Datuk Musa, tapi banyak orang, 'especially' buwah punya orang banyak suka... 'Honestly it's very effective. My only hope, brother' senang dengan ini boleh lama tahan, Ti mean will last' bukan bila Pilihanraya hablis semulau pun habis!"